



**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP**  
**PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE**  
**ORGANIZATION (ACO)**

**PROGRAM MAWADDAH RAHMAH  
RAMADAN “KEBAIKAN  
BERSAMA MANIS DIKONGSI”**

**KAFETARIA JABATAN AKAUNTAN  
NEGARA MALAYSIA, PRESINT 2,  
PUTRAJAYA**

**27 MAC 2024 (RABU) / 3.00 PETANG**

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum                    Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Ramadan Al-  
Mubarak

{SALUTASI                    DISEDIAKAN                    URUSETIA  
PROGRAM}

---

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita bulan Ramadan Al Mubarak, bulan yang awalnya rahmat, pertengahannya keampunan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.

2. Pada kesempatan ini, jutaan ucapan terima kasih Kelab Sukan Akauntan Negara (KESAN), Koperasi Warga Perakaunan Sektor Awam Berhad (KO-AKAUN), Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN), Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), Persatuan Akauntan

Sektor Awam Malaysia (PSA), Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA), dan Persatuan Pembantu Akauntan (PERBAKTI) dengan kerjasama rakan strategik Adabi Consumer Industries Sdn Bhd. dan Anns Trade sebagai pengelola majlis kacau bubur lambuk sempena Program Mawaddah Rahmah Ramadan

“Kebaikan Bersama Manis Dikongsi” pada hari ini.

3. Di sebalik kesuntukan masa dan kekangan kerja yang terpaksa dihadapi, kita berjaya melaksanakan majlis yang sangat-sangat dituntut oleh Islam dalam usaha merapatkan ukhuwah sesama muslim, khususnya dalam kalangan warga ANGKASA

dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negara (JHEAIN) dan Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA).

4. Malahan usaha ini selaras dengan saranan baginda Rasulullah S.A.W melalui hadis yang diriwayatkan oleh

Zaid bin Khalid AlJuhhani r.a. yang bermaksud, “Barangsiaapa yang memberi makan (berbuka) kepada orang yang berpuasa, ia akan mendapat pahala seperti orang yang berpuasa itu dan pahala orang yang berpuasa itu tidak berkurangan walau sedikitpun.”

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

5. ANGKASA sentiasa menyambut baik inisiatif penganjuran program CSR di bulan Ramadan seperti ini kerana sebagai umat Islam, amatlah digalakkan untuk kita bersedekah dan seboleh-bolehnya menambah amal dan ilmu pada bulan yang mulia ini. Marilah sama – sama kita rebut

peluang untuk mencari keberkatan dan KeredhaanNya.

6. Seakan meneruskan tradisi, tahun ini memasuki tahun ketiga ANGKASA dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia menganjurkan program seumpama bagi pengagihan bubur lambuk yang dimasak secara bergotong-royong

oleh warga ANGKASA, Kementerian dan Agensi.

7. Pada tahun ini, sebanyak **sebelas (11) periuk bubur lambuk** disediakan oleh kakitangan ANGKASA dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diagihkan bukan sahaja kepada warga kerja Kementerian, malah kita turut

berkongsi rezeki dengan warga Putrajaya pada bulan Ramadan yang mulia ini.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

8. Program gotong-royong seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga Kementerian dan agensi, bahkan

dapat menyemai sikap tolong-menolong dan bekerjasama sebagai satu pasukan. Nilai-nilai murni ini seterusnya dapat kita praktikkan dalam urusan tugas sehari-hari.

9. Bulan Ramadan juga bukanlah alasan untuk kita mengambil mudah terhadap amanah dan tugas-tugas harian, malah kita seharusnya

membuktikan bahawa pada bulan mulia ini perkhidmatan yang diberikan lebih cekap dan kualitinya dipertingkatkan.

10. Pendekatan seumpama ini juga diharapkan dapat mendekatkan lagi ANGKASA bukan sahaja dengan koperasi anggotanya malah kepada rakan strategik dan membolehkan

semua pihak bersama-sama menyantuni selain berkongsi kegembiraan menyambut Syawal dengan mereka yang kurang berkemampuan.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

11. Seperti tahun-tahun sebelum ini, program hari ini padat dengan

pelbagai aktiviti antaranya, memasak bubur lambuk disebelah pagi, penyerahan bakul Ramadan bersama PUSPANITA dan JANM pada sebelah petang dan Majlis Iftar Bersama JHEAIN serta solat tarawikh pada sebelah malam.

12. Saya juga difahamkan, pada hari ini juga kita akan menyerahkan

**150 sumbangan Bakul Ramadan**  
**ANGKASA** yang terdiri daripada barang keperluan kepada golongan B40 dengan kerjasama PUSPANITA.

13. Semoga sumbangan yang diberikan pada hari ini sedikit sebanyak dapat membantu sepanjang menyambut Ramadan dan

persediaan Aidilfitri. Diharapkan Ramadan dan Syawal yang bakal menjelang ini mendapat barakah daripada Allah SWT.

14. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini secara langsung atau tidak

langsung khususnya pihak-pihak yang sudi bekerjasama dengan ANGKASA dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi menjayakan program Mawaddah Rahmah Ramadan “Kebaikan Bersama Manis Dikongsi” pada hari ini. Semoga apa yang telah kita lakukan pada hari ini akan sentiasa mendapat keberkatan dari Allah SWT.

15. Masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk merebut malam Lailatulqadar. Seterusnya marilah kita sama-sama berdoa agar Ramadan pada kali ini akan menjadikan kita manusia yang lebih baik lagi selepas ini, setelah berjaya

menempuhi                ujian                madrasah  
Ramadan.

Wabillahi taufik walhidayah,  
Assalamualaikum                warahmatullahi  
wabarakatuh. Terima kasih.

Sekian, terima kasih. Wassalam.